

Amaran hujan lebat di tiga negeri

KUALA LUMPUR – Penduduk di beberapa daerah di Kelantan, Terengganu dan Pahang dinasihatkan supaya mengambil langkah berjaga-jaga ekoran amaran hujan lebat berterusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia.

Kenyataan menyebut hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat di beberapa jajahan di Kelantan seperti Tumpat, Pasir Mas, Machang, Kota Bharu, Bachok dan

Pasir Puteh serta di seluruh daerah di Terengganu dijangka berterusan sehingga esok.

Keadaan itu akan menyebabkan banjir di kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah, kata jabatan itu.

Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat di Kuantan, Pekan dan Rompin di Pahang juga dijangka berterusan sehingga Rabu ini dan keadaan itu akan menyebabkan banjir

di kawasan rendah.

Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi turut mengeluarkan nasihat hujan lebat peringkat kuning di beberapa kawasan lain di Pahang seperti daerah Jerantut, Maran dan Bera serta beberapa daerah di Johor seperti Mersing dan Kota Tinggi yang dijangka mengalami hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana.

– Bernama